



جابتن حال إحوال إكلام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**HADIAH DARIPADA  
ISRA' WAL MIKRAJ**



Tarikh Bacaan:  
**24 JANUARI 2025M / 24 REJAB 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## HADIAH DARIPADA AL-ISRA' WAL MIKRAJ

24 Januari 2025M/ 24 Rejab 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾ سورة الإسراء  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ إِلَهًا وَاحِدًا أَحَدًا صَمَدًا، لَمْ يَتَّخِذْ  
صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا.  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَصَفِيُّهُ وَخَلِيلُهُ، أَرْسَلَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripadanya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam

masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Bagi melengkapi kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Hadiah Daripada *Al-Isra’ wal Mikraj*.”**

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hari ini kita berada pada Jumaat keempat dalam bulan Rejab. Bulan Rejab merupakan bulan mulia, salah satu *asyhuril hurum* (أَشْهُرِ الْحُرْمِ). Ia juga merupakan bulan persiapan menyambut bulan Ramadhan sehingga banyak yang berdoa memohon keberkatan dan dipertemukan dengan bulan Ramadhan.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Ya Allah berkatilah kami di bulan Rejab dan Syaaban, serta temukanlah kami dengan bulan Ramadhan.”*

﴿ Hadis Riwayat Al-Baihaqi dan At-Tabrani ﴾

Bulan Rejab juga merupakan bulan berlakunya Isra’ Mikraj. Peristiwa luar biasa yang penuh dengan keajaiban. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى telah memperjalankan Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, lalu menaikkan Baginda ke Sidratul Muntaha dalam satu malam. Seperti firman-Nya dalam surah Al-Isra’ ayat pertama yang bermaksud:

*“Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-*

tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”

Tujuan utama daripada peristiwa al-Isra' dan Mikraj adalah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* menghadiahkan ketenangan dan kebahagiaan melalui kefarduan solat lima waktu kepada orang yang beriman. Dan salah satu ciri-ciri orang beriman adalah mendirikan solat dengan khusyuk. Firman Allah dalam surah al-Mukminun ayat 1-2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya.”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dari segi bahasa, khusyuk adalah menunduk, begitu juga dengan kata al-khudhu' (*الْخُضُوعُ*). Bezanya, al-khudhu' untuk tubuh, sedangkan al-khusyu' untuk suara dan pandangan. Sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Qalam ayat 43:

خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهُفُهُمْ ذِلَّةً ... ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “Pandangan mereka tunduk ke bawah, lagi mereka diliputi kehinaan.”

Secara istilah, khusyuk menurut Ibnu Al-Qayyim adalah tegaknya hati di hadapan Allah dengan tenteram, tenang, tunduk dan tersentuhnya

hati. Hati yang khusyuk selalunya diikuti oleh khusyuk seluruh anggota badan kerana seluruh anggota tubuh selalu mengikuti hati.

Khusyuk dalam solat bukan sekadar mengerjakan rukun solat dengan anggota badan tetapi juga hadirnya hati dalam solat dengan segala ketundukan dan kerendahan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Khusyuk ini memang sukar untuk dimiliki dan merupakan hal pertama yang akan dicabut dari manusia sebagaimana sabda Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*:

**إِنَّ أَوَّلَ مَا يُرْفَعُ مِنَ النَّاسِ الْخُشُوعُ**

Maksudnya: *"Hal pertama yang dicabut dari manusia adalah khusyuk."*

﴿Hadis Riwayat At-Tabarani dan As-Suyuti﴾

Abu Darda' juga mengatakan: "Boleh jadi engkau masuk ke masjid untuk solat berjemaah tetapi engkau tidak mendapati seorang pun yang khusyuk di sana."

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Syarat khusyuk yang paling utama ialah kemantapan iman dalam diri terhadap Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Oleh sebab itu, berusahalah untuk mengenali Allah dan memperteguhkan keimanan kepada-Nya.

Sebenarnya, khusyuk di dalam solat bermula dari khusyuk di luar solat. Kalau di luar solat hati tidak khusyuk dengan Allah, memang payah untuk khusyuk di dalam solat. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa

orang yang tidak khusyuk solatnya adalah dikira sia-sia belaka, kerana tujuan solat itu selain untuk mengingati Allah, ia juga berfungsi sebagai pencegah daripada perbuatan keji dan mungkar.

Selain itu, khusyuk merupakan kunci kenikmatan di dalam solat sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ:

وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

Maksudnya: *“Dan dijadikan penyejuk mataku terletak pada solat.”*

﴿Hadis Riwayat An-Nasai﴾

Seseorang itu benar-benar dapat merasakan bahawa solat merupakan saat rehatnya sepertimana hadis baginda ﷺ:

يَا بِلَالُ أَرْحِنَا بِالصَّلَاةِ

Maksudnya: *“Wahai Bilal, rehatkan kami dengan solat.”*

﴿Hadis Riwayat An-Nasai﴾

## **SIDANG JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,**

Syed Al- Haddad memaparkan dalam kitab *An-Nasaih Ad-Diniyyah Wal Wasaya Al-Imaniyyah* (النَّصَائِحُ الدِّينِيَّةُ وَالْوَصَايَا الْإِيمَانِيَّةُ) tentang khusyuk solat Ali: bahawa pada suatu ketika, rumah Ali terbakar ketika beliau sedang sujud dalam solatnya. Orang ramai menjerit kepadanya, “Api! Api! Wahai cucu Rasulullah! Namun, beliau tetap khusyuk dalam

sujud tanpa terganggu oleh seruan itu. Selepas selesai solat, beliau ditanya mengapa tidak segera menyelamatkan diri, lalu beliau menjawab,

**“Aku terlupa akan api itu kerana ada api lain (api akhirat) yang lebih aku khawatirkan.”**

### **MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Mengakhiri khutbah, khatib ingin menegaskan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Khusyuk lahir daripada kemantapan iman dalam diri terhadap Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

**Kedua:** Solat yang khusyuk berfungsi sebagai alat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar.

**Ketiga:** Khusyuk dalam solat seperti para kekasih Allah adalah nikmat yang perlu kita usahakan.

Firman Allah dalam Surah Al-Ankabut ayat 45:

... وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ

مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “... dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan mengingati Allah itu adalah lebih besar (faedah dan kesannya). Dan (ingatlah) Allah mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ إِنَّهُ  
تَعَالَى جَوَادٌ كَرِيمٌ مَلِكٌ بَرٌّ رُؤُوفٌ رَحِيمٌ، فَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



## خطبه كدوا

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

**MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil 2/2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2/2024 yang memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطَيْنِ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلايَةً فُؤَلَاوِ فَيُنْعِجْ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعْنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau  
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
MAINPP.*

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG